




## KONTINJEN ASASI UPM NAIB JUARA SUKAN ASASI MALAYSIA (SAM) 2020

Pelajar Asasi Universiti Putra Malaysia telah menyertai Kejohanan Sukan Asasi Malaysia ke-3 yang telah berlangsung di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada 17 hingga 19 Januari 2020. Kontinjen Asasi UPM yang diberisi oleh 23 orang atlet telah meraih tempat kedua secara keseluruhan dengan pungutan 6 pingat emas, 8 pingat perak dan 3 pingat gangsa.



## BENGKEL KECEMERLANGAN SUKAN UPM



Bengkel Kecemerlangan Sukan UPM telah diadakan pada 28 hingga 29 Januari 2020 bertempat di Palm Garden Resort Hotel, Putrajaya bagi membincangkan dua program utama yang telah diamanatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kepada UPM iaitu Program Kecemerlangan Sukan Ragbi (PKS) dan Pusat Sukan Tumpuan (PST) Memanah & Olahraga. Pada tahun ini, UPM bertanggungjawab dalam menguruskan pembangunan sukan ini secara holistik. Bengkel kecemerlangan sukan ini telah melibatkan staf Pusat Sukan UPM, pegawai-pegawai daripada Bahagian Sukan Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), jurulatih-jurulatih sukan dan para atlet bagi sukan-sukan berkenaan. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UPM.

## MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN UPM KE KEJOHANAN SUKAN MASUM FASA 1, 2020

Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen UPM ke Kejohanan Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Fasa 1 telah diadakan pada 29 Januari 2020 (Rabu) bertempat di Dewan Serbaguna Pusat Sukan UPM. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UPM. Kontinjen UPM telah diberisi oleh 147 orang atlet bagi penyertaan 11 acara sukan. Kejohanan tersebut telah diadakan pada 31 Januari hingga 6 Februari 2020 bertempat di Universiti Teknologi MARA, Perlis.



## PROGRAM "SEKOLAHKU UNIVERSITIKU"



Pusat Sukan UPM telah mengadakan program "Sekolahku Universitiku" bertempat di SK Dato' Klana Maamor, Seremban pada 18 Februari 2020. Program "Sekolahku Universitiku" ini diadakan bagi merealisasikan konsep jaringan komuniti yang telah digarap oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia. Seiring dengan kepakaran yang ada di UPM, pusat sukan telah mengadakan program berkonsept pemindahan ilmu "Transfer Learning" melalui pengajuran klinik Olahraga. Program yang berlangsung selama satu hari ini memberi peluang kepada pelajar-pelajar SK Dato' Klana Maamor untuk mempelajari asas-asas sukan Olahraga yang dikendalikan oleh jurulatih-jurulatih dan atlet-atlet Olahraga daripada UPM.

## KEJOHANAN SUKAN KOLEJ UPM (SEMESTER 2, 2019/2020)

Kejohanan Sukan Kolej UPM (SUKOL) bagi semester 2, sesi 2019/2020 telah bermula pada 24 Februari 2020. Pada semester ini sebanyak 13 acara sukan akan dipertandingkan dengan melibatkan penyertaan daripada 9 kontinjen kolej kediaman di UPM. Berikut merupakan keputusan Kejohanan SUKOL yang telah tamat saingan sehingga 29 Februari 2020.

Bil.	Sukan	Keputusan	
		Johan	Naib Johan
1.	Sepak Takraw (L)	KC "A"	KC "B"
2.	Bola Jaring (W)	KTDI "A"	KC "A"



## UPM SERDANG ANGELS SUKAR DIGUGAT

UPM Serdang Angels telah berjaya menewaskan pasukan tuan rumah iaitu UITM Lions dalam perlawanan akhir sukan Ragbi Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Fasa 1, 2020 yang telah diadakan di Universiti Teknologi MARA, Perlis dengan skor 30-19. Kehebatan yang ditunjukkan oleh kedua-dua pasukan ini menjadikan persaingan cukup sengit. Namun, UPM Serdang Angels bijak menggunakan peluang yang terhidang seterusnya mengekalkan kejuaraan yang dipegang selama 7 tahun berturut-turut. Selain itu, kontinen UPM juga telah meraih pingat emas dalam acara Ping Pong Double (L), Sepak Takraw Regu dan Bola Keranjang 3 on 3 (W) pada Fasa 1 Kejohanan Sukan MASUM 2020. Secara keseluruhan pasukan UPM berada di kedudukan ke-6 dengan pungutan 5 emas, 3 perak dan 8 gangsa.



## UPM RAI ATLET KE KEJOHANAN SUKAN SEA 2019, FILIPINA



Majlis Apresiasi Atlet UPM ke Sukan SEA 2019 telah diadakan pada 26 Februari 2020 bertempat di Foyer Dewan Taklimat Serdang, Bangunan Pentadbiran UPM. Majlis ini diadakan bertujuan untuk memberi penghargaan kepada atlet-atlet UPM yang telah mengharumkan nama negara sempena kejohanan dwitahunan yang telah diadakan di Filipina pada 31 November hingga 11 Disember 2019. Sebagai rekod, penglibatan seramai 33 orang atlet UPM dalam kejohanan tersebut telah menyumbangkan 5 emas, 3 perak dan 5 gangsa kepada kutipan pingat keseluruhan kontinen negara iaitu 55 emas, 58 perak dan 71 gangsa. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Datin Paduka Setia Dato' Dr. Aini Ideris, Naib Canselor UPM.


### LEGENDA RAGBI DUNIA KENDALIKAN KLINIK RAGBI DI UPM

Pada 27 Februari 2020 bertempat di Padang Ragbi B, UPM, program klinik Ragbi UPM Serdang Angels telah berlangsung bersama Andrew Mehrtens (Lagenda Ragbi All Blacks) dan Kefu Toutai (Lagenda Ragbi Wallabies). Kedatangan dua lagenda Ragbi dunia ini ke Malaysia dimanfaatkan oleh UPM untuk mengadakan klinik Ragbi bagi berkongsi ilmu dan pengetahuan kepada atlet-atlet ragbi di UPM. Turut hadir bersama dalam program tersebut ialah Presiden Kesatuan Ragbi Malaysia (KRM), Dato' Shahruh Zaman Yahya dan Dr. Hanafiah Ayub, Ketua Pusat Sukan UPM.



### LEONG MUN YEE GONDOL PINGAT PERAK DI SIRI TERJUN DUNIA MONTREAL, KANADA

Leong Mun Yee dan rakan sepenerjunnnya telah melakar kejayaan dengan merangkul pingat perak dalam acara 10m platform seirama bagi pusingan pertama jelajah 2020 Kejohanan Siri Terjun Dunia FINA yang telah diadakan di Montreal, Kanada pada 29 Februari 2020. Leong Mun Yee dan Pandelela Rinong telah mengutip mata kedua terbaik dengan catatan 297.66 di belakang peserta tuan rumah iaitu 313.02.



### KERJA-KERJA NAIKTARAF FASILITI SUKAN UPM



Pusat Sukan telah mengadakan kerja-kerja menaiktaraf Padang Bolasepak C UPM melalui pembinaan saliran air dalam padang. Projek naiktaraf ini merupakan projek ketiga Pusat Sukan dalam menambahbaik mutu padang-padang permainan selepas projek naiktaraf Padang Bola Sepak A dan Padang Ragbi B. Projek naik taraf ini merupakan kolaborasi bersama Fakulti Pertanian dan Pejabat Pembangunan & Pengurusan Aset.

### PUSAKAN FUTSAL UPM TEMPAT SLOT KE LIGA PREMIER IPT 2020

Pusaka Futsal UPM telah berjaya melayakkan diri bagi menyertai saingan dalam Liga Premier Div.2, Liga Futsal IPT 2020. Terdahulu, pasukan Futsal UPM cemerlang dalam saingan kelayakan setelah memenangi 5 perlawanan. Perlawanan kelayakan tersebut telah diadakan di USM, Pulau Pinang pada 13 hingga 16 Februari 2020.

